

ULASAN KES

RAYUAN DI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH MELAKA MENGENAI HUKUMAN PENJARA DALAM KES PENGESAHAN POLIGAMI *AHMAD TAMYIZ BIN HAJI MAK ARIS*

Mohd Hazwan Ismail

mhazwan@unishams.edu.my

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.

PENDAHULUAN

Kes *Ahmad Tamyiz bin Haji Mak Aris dan Noor Haslinda binti Hussin lwn. Norashikin binti Abu Bakar* (2020) merupakan kes rayuan yang difailkan oleh perayu di Mahkamah Rayuan Syariah Melaka kerana tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Dalam penghakiman atau keputusan daripada Mahkamah Tinggi Syariah Melaka tersebut, Yang Arif Hakim telah menjatuhkan hukuman penjara kepada kedua-dua perayu kerana kesalahan pernikahan poligami tanpa kebenaran mahkamah. Sebelum itu, perayu memfailkan pengesahan pernikahan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka kerana kedua-dua perayu telah bernikah di wilayah Yala, Thailand. Sepatutnya, kes hanya melibatkan pengesahan pernikahan poligami. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, hakim menjatuhkan hukuman penjara untuk tempoh enam bulan. Hal ini menyebabkan perayu tidak berpuas hati kerana beranggapan bahawa hanya denda yang akan dikenakan. Kes ini menarik untuk dikaji, iaitu tatacara mal terasing daripada tatacara jenayah dan tidak boleh dicampuradukkan. Hakim telah merujuk Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 6 Tahun 2016, iaitu dalam kes pengesahan poligami, kesalahan poligami boleh disabitkan tanpa kebenaran mahkamah terhadap pelaku (lelaki) dan dikenakan penalti. Namun begitu, arahan amalan tersebut telah mengatasi undang-undang.

FAKTA KES

Pada asalnya, kes ini difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka berkenaan pengesahan poligami antara Perayu 1 dengan Perayu 2. Kedua-dua perayu telah bernikah di pejabat Majlis Agama Islam Wilayah

Yala di wilayah Selatan Thailand. Perayu 1 mempunyai seorang isteri, iaitu Responden. Dalam keputusan permohonan pengesahan poligami tersebut, hakim mahkamah memerintahkan sembilan perkara, iaitu:

1. Mahkamah mengesahkan bahawa pernikahan antara Pemohon 1, iaitu Ahmad Tamyiz bin Haji Mak Aris, dengan Pemohon 2, iaitu Noor Haslinda binti Hussin, di Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Thailand pada 31 Julai 2017 adalah sah dan memenuhi hukum syarak;
2. Mahkamah memerintahkan pendaftaran pernikahan dilakukan dengan sewajarnya oleh Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Orang Islam Negeri Melaka;
3. Mahkamah memerintahkan nafkah dibayar oleh Pemohon 1 kepada Responden, iaitu Norashikin binti Abu Bakar, selaku isteri pertama dengan bayaran sebanyak RM500 sebulan;
4. Mahkamah memerintahkan bayaran nafkah kepada Pemohon 2, iaitu Noor Haslinda binti Hussin, selaku isteri kedua dengan bayaran sebanyak RM500 yang juga dibayar oleh Pemohon 1;
5. Mahkamah memerintahkan penggiliran bagi isteri Pemohon 1 dengan cara perbincangan antara kedua-dua pihak;
6. Mahkamah memerintahkan Pemohon 1 supaya wajib berlaku adil terhadap isterinya;
7. Mahkamah memerintahkan Pemohon 1 dan Pemohon 2 dipenjarakan dalam tempoh enam bulan;
8. Perintah yang dikeluarkan hari ini berkuat kuasa serta merta; dan
9. Kegagalan mematuhi perintah yang dikeluarkan ini dianggap sebagai menghina mahkamah dan tindakan boleh diambil.

Daripada sembilan perkara yang diputuskan dan dikeluarkan pada 23 Mei 2018 tersebut, Pemohon 1 dan Pemohon 2 tidak berpuas hati terhadap perkara tujuh, iaitu "Mahkamah memerintahkan Pemohon 1 dan Pemohon 2 dipenjarakan dalam tempoh enam bulan". Dalam tempoh kurang daripada 14 hari, Pemohon 1 dan Pemohon 2 memfailkan Notis Rayuan dan disebut sebagai Perayu 1 dan Perayu 2.

Perayu 1 dan Perayu 2 memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Melaka pada 23 Mei 2018, iaitu tarikh keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dikeluarkan, seterusnya memfailkan Alasan Rayuan pada 13 Mac 2019, iaitu 10 bulan kemudian. Dalam Alasan Rayuan tersebut, Perayu telah memfailkan pernyataan bertulis atau menyatakan tiga alasan rayuan, iaitu:

- i. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah terkhilaf dalam mempertimbangkan hukuman dengan telitinya dari segi prinsip undang-undang untuk meringankan hukuman daripada hukuman berat. Terdapat dua faktor dalam kekhilafan ini, iaitu:
 - (a) Perayu melakukan kesalahan kali pertama dan tidak pernah disabitkan kesalahan ini di mana-mana mahkamah atau kesalahan lain sebelum ini.
 - (b) Hukuman penjara dalam tempoh enam bulan ialah hukuman yang berat yang dikenakan terhadap Perayu 1 dan Perayu 2. Tambahan pula, Perayu 2 akan melahirkan anak kembar dalam masa terdekat, seterusnya menyebabkan masa depan Perayu 1 dan Perayu 2 menjadi gelap.
- ii. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah terkhilaf dari segi undang-undang dengan tidak memberikan ruang kepada Perayu 1 dan Perayu 2 untuk mengemukakan permohonan untuk meringankan hukuman pada akhir perbicaraan.
- iii. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka juga tidak menyatakan alasan dan sebab yang kukuh yang menyebabkan Perayu 1 dan Perayu 2 perlu dikenakan hukuman penjara dalam tempoh enam bulan, bukannya bayaran denda sahaja.

ISU DALAM KES

1. Adakah Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 6 Tahun 2016 (Arahan Amalan) mengatasi undang-undang?
2. Adakah hukuman penjara boleh dikenakan terhadap pesalah?

ALASAN PENGHAKIMAN YANG AMAT ARIF HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

Fakta dan alasan rayuan yang dikemukakan kepada Yang Amat Arif (YAA) Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah diteliti dan disertakan penghujahan bertulis oleh perayu yang menampakkan bahawa hakim mahkamah rayuan bersetuju untuk mengulas satu isu sahaja yang akan diputuskan dalam kes ini, iaitu:

“Sama ada Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila telah memberikan keputusan hukuman berdasarkan Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 6 tahun 2016 atau sebaliknya.”

Isu yang dibangkitkan ini amat penting untuk dihuraikan. Hal ini dikatakan demikian kerana peruntukan undang-undang yang menjadi punca utama dalam rayuan ini dikaitkan secara jelas. Hakim mahkamah rayuan telah meminta peguam perayu untuk melanjutkan alasan dengan

memfailkan hujah tambahan pada 16 Januari 2020. Dalam hujah tersebut, peguam mempersoalkan hukuman penjara dalam tempoh enam bulan yang dikenakan terhadap Perayu 1 berdasarkan peruntukan Seksyen 124 dan Perayu 2 berdasarkan Seksyen 134 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002. Seksyen 124 memperuntukkan:

“Poligami tanpa kebenaran Mahkamah

124. Seseorang lelaki yang berkahwin lagi di mana-mana tempat dalam masa perkahwinannya masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Mahkamah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan pemenjaraan itu.”

Seksyen 134 pula memperuntukkan:

“Percubaan dan subahat

134. Barang siapa cuba melakukan, atau bersubahat melakukan, mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini melakukan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman yang sama seperti yang diperuntukan bagi kesalahan itu.”

Perayu menambah dalam hujah tambahan yang dikemukakan dengan menyatakan bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah menggabungkan prosiding di mahkamah antara kes mal dengan kes jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana prosiding kes mal terasing daripada prosiding kes jenayah dari sudut pentadbiran dan peruntukkan undang-undang melalui tatacara. Penggabungan antara kes mal dengan kes jenayah tersebut telah dirujuk daripada Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dalam Arahan Ketua Hakim Syarie tersebut, berlaku penggabungan antara perenggan nombor 1 dengan perenggan nombor 2. Perenggan nombor 1 menerangkan pengiktirafan pernikahan poligami yang dikategorikan dalam kes mal, manakala perenggan nombor 2 menerangkan kategori dalam kes jenayah dalamnya terdapat penalti. Menerusi *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), kata penalti bermaksud hukuman atau denda yang dikenakan kerana melanggar undang-undang, peraturan atau kontrak. Oleh hal yang demikian, penalti tersebut diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah syariah.

Jadual 1 Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka. (e-syariah)

Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 6 Tahun 2016

Mengenakan Penalti Bagi Kesalahan Poligami Tanpa Kebenaran

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/Tuan/Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 1 tahun 2016 pada 21 April 2016 di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka yang telah bersetuju memutuskan bahawa:

1. Permohonan Pengiktirafan Nikah Poligami hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah, seperti yang telah ditetapkan dalam Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 4 Tahun 2007.
2. Mahkamah hendaklah mensabitkan kesalahan poligami tanpa kebenaran Mahkamah terhadap pelaku (lelaki) dan mengenakan penalti menurut peruntukan Seksyen 124 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, pada hari keputusan itu dibacakan apabila;
 - i. Setelah mahkamah berpuas hati pernikahan adalah sah mengikut hukum syarak; dan
 - ii. Sebelum mahkamah mengeluarkan perintah terhadap pihak-pihak untuk mendaftarkan pernikahan tersebut.
3. Sebagai panduan, Mahkamah bolehlah merujuk Contoh Perintah/ Penghakiman seperti LAMPIRAN C.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa 1 Mei 2016.

Kesalahan jenayah syariah adalah berbeza dan perlu diasingkan daripada kes mal. Hal ini dikatakan demikian kerana kesalahan jenayah syariah mempunyai enakmen tersendiri yang terdiri daripada tiga enakmen yang lain, iaitu:

- a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam.
- b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.
- c) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.

Perbezaan bidang kuasa mahkamah sebelum pendengaran kes dimulakan telah dibincangkan oleh fuqaha. Dalam hal ini, hakim yang dilantik oleh pemerintah mempunyai had wilayah masing-masing dan had bagi mengendalikan kes. Hal ini jelas diterangkan oleh Muhammad Salam Madkur (1964), iaitu:

“Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa terhadap seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu

atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh hal yang demikian, Hakim itu hanya berbidang kuasa bagi kes yang dirinya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidang kuasa lain yang tidak diberikan kepadanya.”

Yang Amat Arif Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah berpandangan bahawa tindakan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka mengeluarkan arahan tersebut ialah inovasi yang baik kerana dapat mempercepat perjalanan kes dan proses, serta menjimatkan masa, sekali gus memudahkan pelanggan dan peguam. Walau bagaimanapun, arahan yang dikeluarkan bertentangan dengan undang-undang, iaitu proses tersebut perlu diasingkan kerana bidang kuasa antara kedua-dua kes tersebut berbeza.

Oleh itu, bagi menjaga prinsip keadilan, keadilan perlu diterapkan kepada pihak yang terlibat secara kukuh. Hal ini berlandaskan hukum syarak dan perundangan. Dalam kes rayuan ini, penerapan keadilan seharusnya berpaksikan kepentingan awam supaya tidak menzalimi pihak perayu. Pihak perundangan mengasingkan bidang kuasa antara kes mal dengan kes jenayah supaya tidak disatukan. Hal ini dikatakan demikian kerana tatacara permulaan kes yang melibatkan permohonan atau pendakwaan adalah berbeza, sekali gus proses dan prosedur juga tersasar jauh dan dapat menyebabkan ketidakadilan terhadap pihak perayu.

KEPUTUSAN

Dalam keputusan kes Mahkamah Rayuan Syariah Melaka, setelah Notis Rayuan dan Alasan Rayuan yang difailkan oleh perayu diteliti, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Melaka memutuskan perkara seperti yang berikut:

- 1) Rayuan yang difailkan oleh perayu diterima.
- 2) Penghakiman yang diputuskan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka dalam kes Kod. Mal No. 04200-012-0196-2018 bertarikh 23 Mei 2018 dalam perenggan 7 mengenai pemenjaraan enam bulan, dibatalkan.

ULASAN KES

Mahkamah rayuan syariah berada pada hierarki mahkamah paling atas di Malaysia (kecuali Mahkamah Utama Syariah di Perak). Hakim mahkamah tinggi syariah sebelum itu memutuskan bahawa kes yang

melibatkan poligami dikenakan tindakan hukuman secara serentak dan bersekali antara kes mal dengan kes jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana hakim merujuk Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka. Arahan Amalan ialah dokumen bertulis yang melengkapkan kelompangan yang melibatkan hal pentadbiran untuk mempercepat proses perjalanan kes, serta menyeragamkan pentadbiran bagi hakim dalam pemberian keputusan dan rujukan bagi pegawai mahkamah. Sheikh Ghazali (2005) menyatakan:

“Arahan Amalan dikeluarkan untuk menjelaskan tatacara atau prosedur yang tidak jelas dan kabur dalam melaksanakan kerja di mahkamah. Ia juga bertujuan untuk menjelaskan perkara yang tidak ada dalam peraturan. Penggunaan Arahan Amalan ini sebenarnya tidak lari daripada kehendak peruntukan undang-undang seperti yang terdapat dalam Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri. Pengeluaran surat pekeliling pula diperlukan untuk menjelaskan kekaburan dan kesamaran tugas sehari-hari.”

Arahan Amalan ialah proses mempercepat dan melancarkan pergerakan kes yang tidak terdapat secara spesifik dalam peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun, dalam Arahan Amalan, terkandung kes yang dicampuradukkan yang melibatkan kes pengesahan nikah poligami dalam kategori kes mal dan kes yang mensabitkan kesalahan poligami tanpa kebenaran dalam kategori kes jenayah. Walaupun bertujuan untuk mempercepat kes tersebut, tindakan tersebut tidak boleh melangkaui proses undang-undang. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam konteks jenayah di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, terdapat peruntukan undang-undang khusus terhadap jenayah yang meliputi tiga enakmen, iaitu:

- a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam.
- b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.
- c) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.

Enakmen ini memperuntukkan hal yang berkaitan dengan jenayah syariah tanpa melibatkan mana-mana kes mal secara jelas. Hal ini juga dijelaskan oleh Ahmad Hidayat Buang (2007), iaitu:

“Peruntukan mengenai kesalahan jenayah syariah di Malaysia secara umumnya diletakkan di bawah satu enakmen khusus di setiap negeri,

iaitu enakmen kesalahan jenayah syariah. Sungguhpun demikian, terdapat juga beberapa enakmen lain yang memperuntukkan kesalahan yang boleh dihukum atau mengenakan penalti terhadap pelanggaran peraturan yang diletakkan di bawah kuasa undang-undang negeri yang berkaitan dengan agama Islam. Enakmen tersebut adalah seperti yang berikut:

- a) Enakmen Jenayah Syariah – Kesalahan yang berkaitan dengan akidah, kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama dan institusinya, kesalahan yang berhubung dengan tatasusila (moral/seksual);
- b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam – Kesalahan matrimonial, kesalahan pelbagai; dan
- c) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam – Kesalahan bagi maksud menyebarkan dan mengembangkan agama bukan Islam kepada orang Islam.”

Dengan berdasarkan kesalahan jenayah yang dijelaskan, prosedur atau prosiding di mahkamah mestilah berpandukan tatacara jenayah. Enakmen yang dirujuk dalam pengendalian kes jenayah di mahkamah ialah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Dalam hal ini, Siti Zubaidah (2016) berkata:

“Pemakaian Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang tatacara jenayah syariah menggariskan prosedur dan proses yang perlu diikuti apabila membabitkan penguatkuasaan kesalahan yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah. Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah merupakan undang-undang jenayah syariah utama di negara ini yang yang mengandungi peruntukan kesalahan terhadap agama, akidah, perlakuan tidak bermoral dan sebagainya yang menyalahi hukum syarak. Namun demikian, terdapat beberapa lagi undang-undang yang mempunyai peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan, biarpun kesalahan atau pelanggaran undang-undang itu tidak dinamakan sebagai kesalahan jenayah syariah. Antara kesalahan itu termasuklah kesalahan yang berkaitan dengan perkahwinan dan akad nikah yang diletakkan di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, terdapat kesalahan seperti poligami tanpa kebenaran mahkamah, perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah ...”

Oleh hal yang demikian, kes yang melibatkan kesalahan jenayah mestilah dimulakan oleh Ketua Pendakwa Syarie. Sebelum Pendakwa Syarie memulakan dakwaan terhadap pesalah, Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) mestilah melakukan penyiasatan terlebih dahulu. Hal ini

jelas diperuntukkan dalam undang-undang di bawah Seksyen 66(2) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, iaitu:

- (2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan mana-mana mahkamah syariah.
- (4) Pendakwa Syarie hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa Ketua Pendakwa Syarie ialah pegawai yang boleh memulakan kes melibatkan hal jenayah. Kuasanya sangat besar apabila melibatkan kes jenayah. Dalam hal ini, Ketua Pendakwa Syarie boleh meneruskan kes dan memberhentikan kes. Sebelum kes pendakwaan diterima, siasatan perlu dilakukan terlebih dahulu. Siasatan tersebut hanya boleh dilaksanakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama yang telah diperuntukkan dalam subseksyen 55(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 yang memperuntukan:

“Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama boleh, dalam sesuatu kes yang melibatkan kesalahan tak boleh tangkap, menjalankan mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan yang diberikan oleh Bab ini tanpa perintah Ketua Pendakwa Syarie.”

Oleh itu, bagi pendakwaan yang dimulakan dengan hal jenayah, pegawai penguatkuasa agama perlu menyiasatnya terlebih dahulu. Kuasa untuk memulakan secara merit terletak pada ketua pendakwa syarie. Walaupun Arahan Amalan yang dikeluarkan dengan cara bersekali untuk menjimatkan masa antara kes mal dengan kes jenayah ialah inovasi yang baik, perkara tersebut tidak boleh diaplikasikan kerana bercanggah dari sudut undang-undang.

Secara tidak langsung, kes yang diperintahkan oleh mahkamah tinggi syariah tidak menepati pelaksanaan tatacara jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana hakim telah memutuskan keputusan tanpa ada pertuduhan daripada ketua pendakwa syarie dan tiada pula rekod pengakuan antara kedua-dua perayu. Kesannya, pelaksanaan dengan cara memberikan keputusan tersebut melanggar proses kehakiman yang nyata. Dengan itu,

ketiga-tiga hakim Mahkamah Rayuan Syariah Melaka memutuskan untuk membatalkan hukuman penjara yang diputuskan oleh hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka dan menerima rayuan perayu.

KESIMPULAN

Kes ini melibatkan pengesahan poligami yang difailkan oleh perayu yang bernikah di Wilayah Yala, Thailand. Dalam keputusan pengesahan poligami tersebut, hakim memutuskan bahawa pernikahan poligami perayu disahkan dan perayu dikenakan hukuman penjara. Akibat daripada keputusan pemenjaraan tersebut, kedua-dua perayu tidak berpuas hati dan merayu pada peringkat mahkamah rayuan syariah. Keputusan hakim mahkamah tinggi dikatakan melangkaui batas undang-undang kerana mencampuradukkan antara kes mal dengan kes jenayah apabila merujuk Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 6 Tahun 2016. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada pendakwaan dilakukan dan tiada rekod pengakuan antara kedua-dua perayu. Kes jenayah terasing daripada kes mal kerana terdapatnya peruntukan undang-undang, seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah. Oleh hal yang demikian, hakim Mahkamah Rayuan Syariah Melaka telah menerima rayuan daripada perayu dan hukuman penjara dibatalkan.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan amalan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Qada' fil Islam, Muhammad Salam Madkur*. (1964) Matbaah Al'Aalamiyah, Kaherah.
- Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil. 6 tahun 2016 (AKHS 6/2016).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [Enakmen No. 7 tahun 2002] (EPAI 2002), subseksyen 66(2) dan (4).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) [Enakmen No. 9 tahun 2002] (ETJS 2002).
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Melaka) 2002 [Enakmen No. 12 tahun 2002].
- Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman. (2005). *Amalan-amalan entadbiran di mahkamah syariah, JH, 20(2)*, 181–185.
- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-undang tatacara jenayah syariah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.